



JSM TERAJU TRANSFORMASI KESEJAHTERAAN KOMUNITI BATU MAUNG MENERUSI KAMPUNG ANGKAT MADANI

BAYAN LEPAS, 13 JUN 2026 – Jabatan Standard Malaysia (JSM) hari ini telah mengorak langkah proaktif memperkasakan komuniti setempat menerusi penganjuran **Karnival Kampung Angkat MADANI (KAM)** bersama kepimpinan setempat di Perkarangan Masjid Umar Abdul Aziz, Batu Maung.

Inisiatif Kampung Angkat MADANI di bawah kerangka Malaysia MADANI ini bertujuan memperkasakan komuniti setempat, merapatkan jurang sosioekonomi, serta memacu pembangunan infrastruktur dan modal insan secara inklusif. Di bawah seliaan JSM, Kampung Batu Maung bakal menerima fokus dan perancangan pembangunan secara berpusat demi kesejahteraan penduduk akar umbi.

Majlis perasmian telah disempurnakan dengan meriah dan jayanya oleh YB Sim Tze Tzin, Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri merangkap Ahli Parlimen Bayan Baru. Karnival KAM ini turut diserikan dengan kehadiran Ketua Pengarah JSM, YBrs. Encik See Chee Kong.

Mengetengahkan elemen kepakarannya yang sinonim dengan pembangunan standard dan akreditasi, JSM mencipta kelainan dalam inisiatif komuniti ini dengan menyantuni penduduk yang memerlukan melalui penyerahan sumbangan "bakul makanan mematuhi standard". Selari dengan fungsi utama jabatan, JSM turut mengambil inisiatif menyampaikan taklimat kesedaran bagi mendidik masyarakat tentang kepentingan pengamalan kualiti dan standard dalam kehidupan seharian. Karnival ini turut dimanfaatkan sepenuhnya untuk memberi pendedahan dan gambaran awal kepada penduduk setempat mengenai hala tuju pembangunan serta perancangan projek naik taraf kemudahan infrastruktur kampung berkenaan.



Majlis ini yang bertindak sebagai platform perkenalan awalan turut dimeriahkan dengan pelbagai pengisian seperti mini ekspo kerjaya, pameran dan perkhidmatan agensi, senamrobik, pertandingan mewarna serta kuiz kenegaraan. Menerusi sinergi padu yang terbina ini, JSM menyasarkan pewujudan saluran komunikasi yang efektif bersama penduduk setempat bagi memudahkan penyelarasan projek akan datang, seterusnya memacu peningkatan kesejahteraan hidup penduduk secara berterusan.

-----TAMAT-----

JABATAN STANDARD MALAYSIA (JSM)
KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)
13 JUN 2026

Tentang JSM:

Jabatan Standard Malaysia (JSM) ialah agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996 di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549). JSM berperanan sebagai Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang membangun serta mempromosikan Malaysian Standard (MS), dan menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan seperti makmal, badan pensijilan dan badan pemeriksaan.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik JSM

Telefon : 03-8008 2891

Faks : 03-8008 2901

E-mel : uks@jsm.gov.my